

Menelusuri Perspektif Hukum Islam Mengenai Penggunaan Vape Menerusi Lensa Fatwa Antarabangsa

BITARA

Volume 8, Issue 2, 2025: 216-226
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 9 May 2025
Accepted: 29 May 2025
Published: 30 June 2025

[Exploring Islamic Legal Perspectives on Vaping Through the Lens of International Fatwas]

Nur Aqila Mohd Zahari¹, Mohd Hafiz Safia^{1,2}, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim^{1,2*}
& Nik Salida Suhaila Nik Saleh³

1 Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
E-mail: p104801@siswa.ukm.edu, izhar@ukm.edu.my;

2 Institute Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

3 Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA
E-mail: niksallida@usim.edu.my

*Corresponding Author: P104801@siswa.ukm.edu

Abstrak

Fenomena penggunaan *vape* semakin berkembang dalam kalangan masyarakat Islam dan menimbulkan pelbagai persoalan hukum yang memerlukan penjelasan berasaskan syariat. Artikel ini bertujuan untuk menelusuri perspektif hukum Islam mengenai *vape* menerusi analisis terhadap fatwa-fatwa antarabangsa. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan meneliti pelbagai pendekatan ijtihad dan metodologi Maqasid Syariah yang diaplikasikan oleh institusi fatwa dari beberapa negara seperti Malaysia, Indonesia, Mesir, dan Eropah. Hasil kajian mendapati bahawa kecenderungan majoriti fatwa adalah mengharamkan penggunaan *vape* berdasarkan prinsip Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), dan harta (*hifz al-māl*). Kajian ini turut menekankan pentingnya pendekatan yang bersifat menyeluruh, kontekstual dan relevan dalam pengeluaran fatwa, serta mencadangkan kerjasama bersepadu antara institusi fatwa, pihak berkuasa dan pakar kesihatan. Dapatan ini diharap dapat menjadi rujukan penting kepada pihak berkepentingan dalam merangka dasar dan garis panduan yang lebih berkesan serta mendidik masyarakat mengenai risiko *vape* dari sudut agama dan kesihatan.

Key Words: Vape, Fatwa Antarabangsa, Hukum Islam.

Abstract

The phenomenon of vaping is increasingly prevalent among Muslim communities, raising numerous legal questions that require clarification based on Islamic law. This article aims to explore the Islamic legal perspective on vaping by analyzing international fatwas. This study employs a qualitative method by examining various approaches of ijtihad and the application of Maqasid al-Shariah methodologies by fatwa institutions in countries such as Malaysia, Indonesia, Egypt, and Europe. Findings reveal that the majority of fatwas tend to prohibit the use of *vape* products, based on the Maqasid al-Shariah principles which emphasize the preservation of life (*hifz al-nafs*), intellect (*hifz al-'aql*), and wealth (*hifz al-māl*). This study also highlights the importance of adopting a holistic, contextual, and relevant approach in fatwa issuance, and proposes integrated collaboration between fatwa institutions, authorities, and health experts. These findings are expected to serve as a

significant reference for stakeholders in developing more effective policies and guidelines, as well as educating the public on the religious and health risks associated with vaping.

Key Words: *Vape*, International Fatwas, Islamic Law.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nur Aqila Mohd Zahari, Mohd Hafiz Safiai, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Nik Salida Suhaila Nik Saleh. (2025). Menelusuri Perspektif Hukum Islam Mengenai Penggunaan Vape Menerusi Lensa Fatwa Antarabangsa [Exploring Islamic Legal Perspectives on Vaping Through the Lens of International Fatwas]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(2): 216-226.

Pengenalan

Saban hari penggunaan rokok moden atau lebih dikenali sebagai *vape* menjadi satu fenomena global yang semakin berkembang, termasuk dalam kalangan masyarakat Islam. Pelbagai faktor yang mendorong kepada penglibatan masyarakat global dalam penggunaannya. Selain mempunyai perisa yang pelbagai, ia juga sering diiklankan bahawa rokok moden ini merupakan alternatif yang kurang berisiko berbanding rokok konvensional. Namun begitu, pelbagai bukti saintifik telah menunjukkan bahawa penggunaannya lebih banyak mendatangkan risiko berbanding manfaat. Penggunaan rokok elektronik boleh membawa kepada berlakunya masalah jantung, sesak nafas bahkan turut berbahaya untuk keselamatan seperti letupan (Yimsaard et al. 2021). Oleh hal yang demikian, isu ini telah menimbulkan pelbagai persoalan berkaitan hukum terhadap penggunaannya dari sudut pandang Syariah. Sehubungan itu, institusi fatwa di pelbagai negara telah mengeluarkan pandangan yang berbeza berdasarkan metodologi ijtihad dan pendekatan Maqasid Syariah masing-masing.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan membandingkan fatwa-fatwa antarabangsa berkaitan penggunaan *vape* dengan meneliti dalil, kaedah istinbat, serta pendekatan fiqh yang digunakan oleh badan-badan fatwa terpilih. Dapatan kajian ini dijangka dapat memperkuat pemahaman berkaitan hujah-hujah syarak dalam menetapkan hukum penggunaan *vape* berdasarkan prinsip Maqasid Syariah, sekaligus membantu pihak berautoriti dalam agama dan kerajaan untuk merangka garis panduan yang lebih jelas, konsisten dan berwibawa berkaitan penggunaan rokok elektronik dalam kalangan masyarakat Islam khususnya. Selain itu, dapatan ini turut berperanan sebagai rujukan ilmiah bagi memperkuat kesedaran awam tentang kemudaratan *vape* dari perspektif agama dan kesihatan, serta menggalakkan pendekatan bersepadu antara institusi fatwa, badan kesihatan dan pendidikan dalam menangani isu ini dengan lebih berkesan.

Definisi Fatwa

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat), fatwa ialah keputusan tentang sesuatu hukum agama (yang belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis, dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh mufti (atau mereka yang berautoriti tentang keputusan hukum syarak). Fatwa dalam bahasa Arab ia diambil daripada perkataan *afṭa – ifṭa'an* yang memberi maksud menjelas dan menghuraikan hukum permasalahan. Secara teknikal pula, fatwa adalah pernyataan atau teks yang dijawab oleh mufti ataupun penjelasan hukum Syariah terhadap sesuatu isu (al-Zaybari 1995, Gilani 2011, Ibrahim et al. 2015).

Definisi Rokok Konvensional

Rokok konvensional merupakan produk daripada tembakau. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Edisi Keempat) menyatakan bahawa rokok ialah tembakau yang digulung dalam daun nipah, kertas atau selainnya. Penggunaannya boleh menghasilkan asap rokok yang sangat berbahaya buat perokok (perokok aktif), mahupun orang sekeliling yang menyedut asap rokok tersebut (perokok pasif) (Jasmi 2022).

Definisi Rokok Elektronik atau Vape

Rokok Elektronik (Electronic Nicotine Delivery Systems atau e-Cigarette atau *vape*) adalah sebuah pembaharuan daripada bentuk rokok konvensional (rokok biasa) menjadi rokok moden (Mohamed et al. 2011). Rokok elektronik yang pertama telah diciptakan oleh Hebert A. Gilbert pada tahun 1963 bagi menggantikan bara tembakau dan kertas dengan pemanas yang lembab dan berperisa kemudian menghasilkan wap yang berperisa tanpa nikotin, namun ia kurang mendapat perhatian pada ketika itu (Wan Hassan et al., 2018). Kemudian, rokok elektronik moden pula diperkenalkan oleh seorang ahli farmasi dari China iaitu Hon Lik, pada tahun 2003 dan ia berjaya dikomersialkan (Wan Hassan et al. 2018, Cutts & O'Donnell 2021). Pada tahun 2007, rokok elektronik moden jenis ini yang lebih dikenali dengan nama 'rokok elektronik' atau '*vape*', telah berjaya memasuki pasaran antarabangsa (Vickerman et al. 2021). Kebiasaannya ia berbentuk tabung memanjang, menghasilkan cecair yang mengandungi pelbagai komponen menghasilkan wap dan dapat memberikan sensasi mirip seperti merokok biasa (A Higayon 2023). Cecair tersebut biasanya berasaskan *propilena glikol*, *gliserin*, *flavour* (perisa) dan nikotin (Hage et al. 2020).

Vape dalam Islam

Kewujudan produk ini telah menimbulkan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat, khususnya dari sudut kesihatan awam, perundangan dan etika. Dalam konteks Islam, sebarang

perkara baharu yang memberi kesan kepada manusia hendaklah dinilai berdasarkan prinsip-prinsip Syariah. Penggunaan *vape* menimbulkan persoalan penting dari sudut hukum, memandangkan ia melibatkan unsur yang berpotensi memudaratkan kesihatan, menyebabkan ketagihan, serta tidak memberikan manfaat yang jelas. Dalam menentukan kedudukan hukum penggunaan *vape*, para sarjana Islam kontemporari menekankan prinsip-prinsip utama seperti pengharaman terhadap kemudaratkan (*al-darar*), penjagaan akal dan tubuh badan sebagai antara lima Maqasid utama, serta konsep *sadd al-dhara'i* iaitu menutup jalan kepada kerosakan (Mohd Zahari & Safiai 2025). Hal ini dibincangkan seperti berikut:

Pendekatan Maqasid Syariah terhadap Vape

Para ulama telah mendefinisikan Maqasid Syariah dengan pelbagai takrifan (Fakhrur et al. 2024), namun ia boleh disimpulkan sebagai tujuan dan hikmah yang telah ditetapkan oleh syariat Islam dalam hukum-hakam serta rahsia di sebaliknya dengan tujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia. Berdasarkan teori Maqasid Syariah, lima perkara utama dalam kehidupan (*daruriyyat*) akan dibahaskan iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Imam al Ghazali 2015). Seterusnya diikuti dengan keperluan mendesak (*hajiyyat*) dan diakhiri kepada keperluan yang tidak mendesak (*tahsiniyyat*) (Dan & Di 2018). Memahami Maqasid Syariah adalah bertujuan untuk memahami nas-nas syarak dan mengaplikasikannya bagi permasalahan-permasalahan yang baru timbul dalam menentukan sesuatu hukum (Wan Zulkifli et al. 2016). Antara penekanan yang melibatkan Maqasid adalah dalam aspek seperti berikut:

a. *Hifz al-Nafs* (Menjaga Nyawa)

Antara cabang *daruriyyat* yang utama dalam Maqasid Syariah ialah *hifz al-nafs* (Roslan & Osman Zainuri 2023). *Hifz* membawa maksud memelihara atau menjaga (Munawwir 1996) dan *al-nafs* pula bermaksud roh, jasad atau diri (Ibn Manzur 2012). Para fuqaha' mengertikannya dengan memelihara nyawa (Roslan & Osman Zainuri 2023). Terdapat banyak kajian saintifik yang menunjukkan *vape* mengandungi bahan kimia yang berbahaya seperti nikotin pelarut, propilen, glikol dan gliserin (Marpaung 2024) yang berisiko merosakkan paru-paru, masalah kardiovaskular, trauma dan melecur (Banks et al. 2023). Oleh hal yang demikian, penggunaan *vape* boleh dikategorikan sebagai satu bentuk kemudaratkan terhadap kesihatan dan ia bercanggah dengan prinsip ini.

b. *Hifz al-'Aql* (Menjaga Akal)

Akal merupakan antara anugerah terbesar yang Allah kurniakan kepada manusia. Konsep Maqasid Syariah iaitu menjaga akal adalah untuk mencegah kerosakan minda kerana ia akan membawa kepada kehilangan kendali diri (Mohamed El-Tahir 2018). Zat-zat yang terkandung

dalam *vape* antaranya seperti nikotin berpotensi menyebabkan ketagihan seterusnya mempengaruhi keupayaan mental dan emosi seseorang (Hermawati et al. 2023). Penggunaannya secara berterusan dapat mengganggu kejelasan fikiran dan merosakkan fungsi kognitif, khususnya dalam kalangan remaja. Oleh itu, penggunaan *vape* bertentangan dengan objektif menjaga akal yang telah digariskan dalam prinsip ini.

c. *Hifz al-Mal* (Menjaga Harta)

Pembaziran harta terutama dalam perkara yang tidak bermanfaat atau mendatangkan mudarat adalah sangat dilarang dalam Islam. Allah berfirman dalam al-Quran:

وَلَا تُبْذِرْ تَبْذِيرًا . إِنَّ الْمُبْذِرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ط

Maksudnya: “Dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan.”(Surah al-Isra’: 26-27)

Pembelian peralatan *vape* dan cecairnya secara berterusan melibatkan perbelanjaan yang besar dan ia tidak dikategorikan sebagai perkara keperluan bagi seseorang, bahkan wang tersebut sebaiknya dibelanjakan untuk keperluan dan kepentingan yang lebih utama. Pembaziran harta terutama dalam perkara yang tidak bermanfaat atau mendatangkan mudarat adalah sangat dilarang dalam Islam. Oleh itu, dari sudut Maqasid Syariah, ini dianggap sebagai satu bentuk pembaziran harta dan bercanggah dengan prinsip ini (Nasution & Tanjung 2024).

Pandangan Ulama Kontemporari Berkenaan *Vape*

Isu penggunaan *vape* telah menarik perhatian ramai sarjana dan ulama kontemporari, memandangkan ia berkait rapat dengan kesihatan awam, gaya hidup moden, serta persoalan hukum yang belum dinyatakan secara langsung dalam nas al-Quran atau hadis. Secara umumnya, para ulama mengambil pendekatan yang berbeza dalam menilai hukum bagi isu ini. Antara ulama kontemporari seperti Mahmood Syaltut (1983), Yusuf al-Qaradawi (1992), Wahbah al-Zuhaili Wahbah al-Zuhaili (1997) dan Ibnu Taimiyyah berpendapat hukum merokok adalah ‘haram’ dengan alasan membahayakan dan mensia-siakan harta (R & Mustafa 2019).

Kaedah Fiqh yang Digunakan dalam Fatwa

Beberapa *qawa'id fiqhiyyah* (kaedah fiqh) telah digunakan oleh para ulama dan institusi fatwa dalam mengeluarkan fatwa berkaitan *vape*. Antara yang sering digunakan adalah seperti berikut:

- i. *Al-ḍarar yuzāl* (Kemudharatan mesti dihilangkan).
- ii. *Lā ḍarar wa lā ḍirār* (Tidak boleh memudharatkan diri sendiri dan orang lain).
- iii. *Dar' al-mafāsīd muqaddam 'alā jalb al-maṣāliḥ* (Menolak kemudharatan didahulukan daripada memperoleh kemaslahatan).

Hal ini dapat disimpulkan bahawa kaedah-kaedah fiqh yang diaplikasikan oleh para ulama dan institusi fatwa dalam menilai hukum penggunaan *vape* adalah berteraskan prinsip pencegahan kemudharatan dan perlindungan terhadap kepentingan asas manusia menurut syarak. Kaedah-kaedah di atas menjadi asas utama dalam menentukan bahawa penggunaan *vape* yang terbukti memudharatkan kesihatan, menimbulkan ketagihan dan membawa kepada pembaziran adalah bercanggah dengan Maqasid Syariah. Justeru, kaedah fiqh sebagai rujukan dalam *ijtihad mu'asir* ini memainkan peranan penting dalam memberi landasan syariat yang kukuh terhadap pengeluaran fatwa yang relevan dan berautoriti dalam isu kontemporari seperti penggunaan *vape* (Faisal et al. 2024).

Analisis Fatwa-fatwa Antarabangsa Terhadap Vape

Fatwa berkenaan penggunaan *vape* atau rokok elektronik telah dikeluarkan oleh pelbagai institusi dan tokoh ulama di peringkat antarabangsa. Secara umumnya, kebanyakan fatwa lebih cenderung kepada pengharaman atas faktor memudharatkan kesihatan fizikal dan mental bagi perokok aktif mahupun pasif sekaligus termasuk dalam pembaziran harta. Hal ini demikian, adalah sejajar dengan prinsip Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan nyawa, akal dan harta. Berikut adalah fatwa-fatwa daripada beberapa buah negara:

a. Malaysia

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah sebulat suara memutuskan bahawa penggunaan rokok elektronik dan *vape* ini adalah haram dengan mengambil keputusan pengharaman rokok (keputusan tahun 1995) dan *shisha* (keputusan tahun 2013) pada 21 Disember 2015. Pengharaman ini adalah kerana penggunaannya membahayakan, membazir dan memudharatkan kesihatan, dan setiap perkara yang memudharatkan hukumnya adalah haram (Mohd Subri & Zulkiple 2014).

b. Indonesia

Di Indonesia pula sedikit berbeza apabila pendekatan di negara ini menunjukkan ijtihad yang bersifat fleksibel. Hal demikian adalah kerana di peringkat nasional, Majelis Ulama Indonesia (MUI) belum mengeluarkan ketetapan mutlak berkenaan isu ini, namun terdapat organisasi tempatan seperti organisasi Muhammadiyah telah menetapkan bahawa penggunaannya adalah haram atas faktor kemudharatan (Nasution & Tanjung 2024).

c. Singapura

Pada 13 September 1993, keputusan fatwa oleh Majlis Ugama Islam Singapura menyatakan bahawa hukum merokok adalah makruh dan berubah menjadi haram jika disahkan memudaratkan diri perokok. Namun, ia telah berubah dalam keputusan fatwa 20 April 2006 yang telah dipersetujui bahawa hukum merokok adalah haram kerana risiko pada diri perokok aktif mahupun pasif adalah jelas dan pasti.

d. Mesir

Dar al-Ifta' al-Misriyyah (Badan Fatwa Mesir 2008) menyatakan bahawa setiap perkara yang mendatangkan kemudharatan termasuk rokok adalah haram. Antara dalil al-Quran yang digunakan, firman Allah:

وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ

Maksudnya: Dan Dia (Allah) menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk. (Surah al-A'raf: 157)

e. Eropah

Al-Majlis al-Urubba li al-Ifta' wa al-Buhus (European Council for Fatwa and Research 2005) pula bersepakat perbuatan merokok adalah haram. Hal ini adalah kerana terdapat banyak bukti saintifik yang menunjukkan risiko merokok yang boleh membawa kepada penyakit berbahaya, di samping ia turut mendorong kepada kesan negatif dari sudut kewangan. Secara umumnya, rokok konvensional dan *vape* sering disamakan kerana kedua-duanya mempunyai zat kandungan dan kesan yang serupa walaupun secara fizikal dan mekanikalnya berbeza. Oleh itu, fatwa yang dikeluarkan memberi panduan jelas dalam menangani isu rokok dan *vape* daripada perspektif agama. Ia menekankan kepentingan menjaga kesihatan serta mengelakkan kemudharatan, sekaligus menjadi rujukan penting kepada umat Islam dalam membuat keputusan yang selaras dengan tuntutan syarak.

Implikasi Fatwa terhadap Polisi Awam dan Pendidikan Masyarakat

Fatwa yang dikeluarkan berkenaan rokok dan *vape* bukan sahaja mempunyai nilai agama, namun ia juga membawa kepada implikasi atau kesan penting kepada pembentukan polisi awam dan strategi pendidikan masyarakat. Dari sudut polisi awam, fatwa dapat menjadi rujukan

moral dan etika yang membantu pihak berkuasa dalam merangka peraturan yang lebih efektif dalam mengawal penggunaan produk ini, terutama dalam usaha melindungi kesihatan awam dan mencegah kemudaratan. Polisi yang berlandaskan fatwa juga mampu meningkatkan kesedaran dan penerimaan masyarakat kerana ia bersumber daripada panduan agama yang dihormati.

Di samping itu, dalam aspek pendidikan masyarakat pula, fatwa berperanan sebagai alat dakwah dan pendidikan kesihatan yang menekankan kepentingan menghindari tabiat merokok dan menghisap *vape* secara berlebihan atau tanpa kawalan. Ia dapat membantu memupuk kesedaran awal tentang risiko kesihatan dan implikasi sosial berkaitan penggunaan produk tersebut dalam masyarakat terutamanya belia. Penyebaran maklumat yang disokong oleh fatwa, sedikit sebanyak dapat memberi panduan sekaligus membimbing masyarakat untuk membuat pilihan yang lebih bijak dan bertanggungjawab dalam menjaga kesihatan diri dan orang sekitarnya.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa fatwa sangat memainkan peranan penting sebagai rujukan hukum dalam kehidupan masyarakat awam khususnya dalam kalangan masyarakat Islam dalam menghadapi isu-isu kontemporari. Melalui analisis terhadap pelbagai fatwa antarabangsa, didapati bahawa kebanyakan institusi fatwa mengambil pendekatan berhati-hati dan berasaskan prinsip Maqasid Syariah dalam menentukan hukum *vape*. Prinsip-prinsip seperti *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa), *hifz al-'aql* (penjagaan akal) dan *hifz al-māl* (penjagaan harta) telah menjadi asas utama dalam meletakkan hukum pengharaman atau kawalan ketat terhadap penggunaan *vape*.

Dapatan ini mengukuhkan keperluan kepada fatwa yang berautoriti dan kontemporari dalam menangani isu-isu baharu (*masail hadithah*) seperti penggunaan *vape*, yang tidak dibincangkan secara jelas dalam nas-nas klasik. Ketiadaan fatwa atau ketidakselarasan dalam pandangan hukum boleh menjadi punca kekeliruan dan kepincangan dalam masyarakat dari pelbagai sudut. Oleh hal yang demikian, disarankan supaya tindakan bersama antara institusi fatwa, pihak berkuasa dan pakar kesihatan lebih diperkukuhkan bagi mewujudkan panduan hukum yang bersifat menyeluruh bersesuaian dengan latar masyarakat dalam sesebuah negara dan ia relevan dengan perkembangan semasa. Ini sekaligus dapat memastikan bahawa masyarakat Muslim sentiasa dibimbing untuk membuat keputusan selari dengan tuntutan syariat.

Rujukan

- A Higayon. (2023). *Pengertian Rokok Konvensional*, Tesis Sarjana. Universitas Atma Jaya Yogyakarta.
- Al-Zaybari, A. S. (1995). *"Mabahis fi Ahkam al-Fatwa"*. Beirut Lebanon: Dar Ibn Hazm.

- Banks, E., Yazidjoglou, A., Brown, S., Nguyen, M., Martin, M., Beckwith, K., Daluwatta, A., Campbell, S., & Joshy, G. (2023). Electronic cigarettes and health outcomes: umbrella and systematic review of the global evidence. *Medical Journal of Australia*, 218(6), 267–275. <https://doi.org/10.5694/mja2.51890>.
- Cutts, T. G., & O'Donnell, A. M. (2021). The implications of vaping for the anaesthetist. *BJA Education*, 21(7), 243–249. <https://doi.org/10.1016/j.bjae.2021.02.001>.
- Dan, E., & Di, S. (2018). Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Fatwa Berkaitan Penggunaan Rokok. *Sains Insani*, 3(1), 18–26.
- Faisal, Mu'in, F., Edi, R. N., & Santoso, R. (2024). A Review of Maqâshid Sharîa on Handling the COVID-19 Pandemic in Lampung and West Java Province. *Al- 'Adalah*, 21(1), 221–244. <https://doi.org/10.24042/adalah.v21i1.21796>.
- Fakhrur, M., Shahabudin, R., & Niteh, M. Y. (2024). Preserving Religion Objectives in the Context of Patriotism. *BITARA: International Journal Of Civilization Studies And Human Sciences*. 7(1), 258–270.
- Gilani, S. M. Y. (2011). “Jurists and legislators in Islam: Origins and classification of the ulama”. *Contemporary issues in Islamic Law*. p. 212 234. New Delhi, India: Serial Publications.
- Hage, R., Fretz, V., & Schuurmans, M. M. (2020). Electronic cigarettes and vaping associated pulmonary illness (VAPI): A narrative review. *Pulmonology*, 26(5), 291–303. <https://doi.org/10.1016/j.pulmoe.2020.02.009>.
- Hermawati, A. H., Pratiwi, C. D., ST, S., & Lathifah, Q. A. (2023). *Nikotin, Tembakau, Dan Rokok*. Penerbit Andi.
- Ibn Manzur. (2012). Lisan al-'Arab. <https://arabiclexicon.hawramani.com/search/%D8%A7%D9%84%D9%86%D9%81%D8%B3>. Diakses pada 5/6/2025.
- Ibnu Taimiyyah. (1960). *Majmu' al-Fatawa*, Jil. 34, 210-212.
- Ibrahim, B., Arifin, M. & Abd Rashid, S. Z. (2015). “The Role of Fatwa and Mufti in Contemporary Muslim Society”. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. Vol. 23 (S), 315-326.
- Imam al Ghazali. (2015). *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*, Al-Muassasah al-Risalah, cet.1 1436H-2015M.
- Jasmi, K. A. (2022). Rokok Menurut Perspektif Hukum dan Pelaksanaan dalam Konteks Rokok Menurut Perspektif Hukum dan Pelaksanaan dalam Konteks Masyarakat. January. Prosiding Seminar Falsafah Sains Dan Ketamadunan.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Definisi Fatwa: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=fatwa>. Diakses pada 21/5/2025.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Definisi Rokok: <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=rokok>. Diakses pada 21/5/2025.
- Syaltut, Mahmud. 1983. *al-Fatwa Dirasah li Mushkilat al-Muâllim al-Maâsir fî hayat al-Yaumiyah wâ al-Ammah*. Beirût: Dâr al-Syuruk (), 383 385.

- Marpaung, A. (2024). Hukum Merokok Rokok Elektrik (*Vape*) Prespektif Imam Al-Bajuri Dan Yusuf Al- Qardhawi. *INNOVATIVE: Journal Of Social Science Research*. 4, 16313–16322.
- Mohamed, M. N., Marican, S., Abdul Rahman, A., Md Rejab, Z., Othman, M. H., Ishak, N. A., Kasa, M. D., Mohd Razali, M. S., Shahadan, A., Megat Ahmad, P. H., Hussain, H., & Aden, E. (2011). Profil Pengguna, Amalan dan Kesan Menghisap *Vape* di Malaysia. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 2011(6 June 2011), 3–5.
- Mohamed El-Tahir El-Mesawi. (2018). *Maqasid Al Syariah: Explorations and Implications*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Mohd Subri, I., & Zulkiple, F. (2014). Analisis Fatwa Semasa Di Malaysia: Pandangan Pakar Dalam Keputusan Hukum Pengharaman Vape. *Osteoarthritis: Diagnosis and Treatment*, 2(1), 62–70.
- Mohd Zahari, N. A., & Safiai, M. H. (2025). Maqasid Sharia and the Biomedical Ethics of E-Cigarettes: A Contemporary Islamic Legal Assessment. *MILRev : Metro Islamic Law Review*. 4(1), 295–318.
- Munawwir, A.W., (1996), *Kamus al-Munawwir Arab-Indonesia*. hlm. 279 & 1446.
- Nasution, M. Z. A., & Tanjung, D. (2024). Kontroversi Hukum Merokok: Perspektif Muhammadiyah dan Nadhatul Ulama. *Ahlana: Jurnal Hukum Dan Hukum Keluarga Islam*, 1(1), 0.
- Portal Rasmi Al-Majlis al-Urubba li al-Ifta' wa al-Buhus. (2005). <https://www.e-cfr.org/blog/2017/11/04/fourteenth-ordinary-session-european-council-fatwa-research/>. Diakses pada 27/02/2025.
- Portal Rasmi Dar al-Ifta' al-Misriyyah. (2008). Hukm al-Tadkhin. <https://www.daralifta.org/ar/fatwa/details/11799/%D8%AD%D9%83%D9%85%D8%A7%D9%84%D8%AA%D8%AF%D8%AE%D9%8A%D9%86>. Diakses pada 27/02/2025.
- R, K. F., & Mustafa, Z. (2019). Penggunaan Rokok Elektrik (*Vape*) Di Kota Makassar Perspektif Hukum Islam. *Sustainability*, 11(1), 1–14.
- Roslan, M. M., & Osman Zainuri, A. (2023). Teori Hifz Al-Nafs Dalam Maqasid Syariah: Analisis Pendalilan. *Journal of Muwafaqat*, 6(1), 1–13. <https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v6i1.121>.
- Vickerman, K. A., Carpenter, K. M., Raskob, M. K., Nash, C. M., Vargas-Belcher, R. A., & Beebe, L. A. (2021). Vaping and E-Cigarettes Within the Evolving Tobacco Quitline Landscape. *American Journal of Preventive Medicine*, 60(3), S142–S153. <https://doi.org/10.1016/j.amepre.2020.07.013>.
- Wahbah al-Zuhaili. (1997). *al-Fiqh al-Islami w ā Adillatuhu*, Jil. 4. Damsyik: D ā r al Fikr, 2624-2626.
- Wan Hassan, W. Z., Abdullah, N., Muslim, N., & Alias, J. (2018). Aplikasi Maqasid Syariah Dalam Fatwa Berkaitan Penggunaan Rokok Elektronik Dan Shisha Di Malaysia. *Sains Insani*, 3(1), 18–26. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol3no1.20>.

- Wan Zulkifli, W. H., Nabilah, A., Jamsari, A., Azizi, U., & Nazri, M. (2016). Maqasid Syariah dalam Pembinaan Fatwa Berkaitan Amalan Rentas Agama dan Rentas Budaya di Malaysia. *Al-Hikmah*, 8(2), 128–147.
- Yimsaard, P., McNeill, A., Yong, H.-H., Cummings, K. M., Chung-Hall, J., Hawkins, S. S., Quah, A. C. K., Fong, G. T., O'Connor, R. J., & Hitchman, S. C. (2021). Gender Differences in Reasons for Using Electronic Cigarettes and Product Characteristics: Findings From the 2018 ITC Four Country Smoking and Vaping Survey. *Nicotine & Tobacco Research*, 23(4), 678–686. <https://doi.org/10.1093/ntr/ntaa196>.
- Yusuf al-Qaradawi. (1992). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.